

Kesan Implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi terhadap Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Prasekolah

The Effect of Implementation Social Emotional Competence Module on Preschool Children Social Skills

Zaharah Osman

Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak
email: zaharah@fppm.upsi.edu.my

Abstrak

Kesan implementasi kompetensi sosioemosi terhadap kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah yang melibatkan tiga orang guru prasekolah dan 40 orang murid daripada tiga buah kelas prasekolah. Data dianalisis menggunakan Ujian-t untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi kemahiran sosial sebelum dan selepas implementasi modul. Dapatan diproses menggunakan perisian SPSS dengan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan, $t(78)=11.16$, $k<0.05$ bagi kerjasama sosial, $t(78)=9.26$, $k<0.05$ bagi interaksi sosial dan $t(78)=10.03$, $k<0.05$ bagi kebebasan sosial. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi kemahiran sosial dari aspek kerjasama sosial, interaksi sosial dan kebebasan sosial. Hasil kajian ini menunjukkan kesan implementasi kompetensi sosioemosi dapat meningkatkan kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Pengkaji mencadangkan agar implementasi kompetensi sosioemosi perlu ditingkatkan agar guru dapat mendidik kanak-kanak prasekolah dengan lebih berkesan untuk menyesuaikan bentuk sosioemosi mereka dalam masyarakat.

Kata kunci kompetensi sosioemosi, kanak-kanak prasekolah, kemahiran sosial

Abstract

The effect of social emotional competency implementation of social skills preschoolers. The study involved three preschool teachers and 40 students from three preschool classes. Data were analyzed using t-tests to determine whether there is a significant difference in mean scores for social skills before and after the implementation of the module. The findings were processed using SPSS software with t-test showed a significant difference, $t(78) = 11:16$, $k < 0.05$ for social cooperation, $t(78) = 9:26$, $k < 0.05$ for social interaction and $t(78) = 10:03$, $k < 0.05$ for social freedom. The analysis showed that there were significant differences in social skills in terms of social cooperation, social interaction and social freedom. This study shows the effect of the implementation of socio competency can improve social skills among preschool children. This study suggests that implementation of social competency should be increased so that teachers can educate preschool children more effectively to suit their social emotional form in society.

Keywords social emotional competence, preschool children, social skills

PENGENALAN

Kemahiran sosial merupakan kemahiran yang amat penting dalam kehidupan manusia. Mengikut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK, 2010), kemahiran sosial ialah memahami keperluan, perasaan dan pandangan orang lain serta menggunakannya dalam interaksi dan menyelesaikan konflik yang berlaku semasa aktiviti kelas. Kemahiran sosial juga termasuk pengetahuan, sikap dan kemahiran seseorang iaitu menyedari emosi sendiri dan orang lain, menguruskan emosi dan bertingkah laku sewajarnya, berkomunikasi dengan berkesan, membentuk hubungan yang sihat dan bermakna, bekerja dengan baik dengan orang lain dan menyelesaikan konflik (Early Childhood Council, 2013). Oleh itu, perkembangan sosio emosi merangkumi aspek mengenali dan mengurus emosi sendiri; pencapaian emosi yang positif; pembinaan konsep sendiri positif; serta pembinaan kemahiran berinteraksi dan kemahiran sosial (KSPK, 2010). Peringkat kanak-kanak adalah masa yang sesuai untuk memperkembangkan pelbagai kompetensi sosioemosi termasuk keupayaan untuk mengawal emosi mereka, nilai persahabatan, keyakinan diri dan kemahiran sosial (Berk, 2010). Kompetensi sosioemosi adalah asas yang penting bagi kejayaan kanak-kanak di rumah, kawasan kejiranan, sekolah dan kehidupan mereka apabila dewasa kelak (Guralnick, 2010). Kompetensi sosioemosi juga berlaku secara berterusan dalam diri kanak-kanak dan dipengaruhi oleh beberapa faktor utama termasuk peluang, interaksi dan ciri-ciri sosial yang ada pada rakan sebaya, keluarga dan budaya (Guralnick, 2010).

Oleh itu, guru perlu mengajar dan memupuk kompetensi sosioemosi dalam diri kanak-kanak supaya mereka dapat menyesuaikan diri dalam kehidupan bermasyarakat.

PERNYATAAN MASALAH

Negara sedang berhadapan dengan masalah sosial dalam kalangan pelajar yang semakin hari semakin serius dan membimbangkan semua lapisan masyarakat. Menurut statistik, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) pada tahun 2013, terdapat 7,816 kes jenayah juvana yang membabitkan pelajar sekolah. (*Berita Harian*, 2014). Peningkatan sebanyak 47 peratus kes membabitkan remaja di antara umur 12 hingga 17 tahun. Kes jenayah berat atau ganas dalam kalangan mereka yang berada pada usia persekolahan juga meningkat iaitu 542 kes tahun 2013 berbanding 368 kes tahun 2012. Perangkaan ini memberi simbolik kepada keruncingan masalah sosial yang sedang berlaku kepada pelapis pemimpin negara. Masalah sosial tidak berlaku dengan mendadak tetapi terbentuk melalui proses interaksi sosial dari awal kanak-kanak. Kemahiran sosial adalah penyatuan pernyataan kognitif, afektif dan tingkah laku untuk mencapai matlamat dalam konteks sosial (McCabe & Altamura, 2011).

Kemahiran sosial adalah tatacara yang perlu dimiliki oleh semua golongan masyarakat supaya mereka mempunyai peluang lebih baik untuk diterima masyarakat dan seterusnya menjadi golongan yang mampu bertahan dalam pelbagai situasi. Hubungan antara kemahiran sosial dan emosi dapat dilihat melalui unsur-unsur pemahaman dan peraturan emosi dalam intervensi kemahiran sosial. (McCabe & Altamura, 2011). Kajian menunjukkan pelbagai kompetensi sosioemosi berkembang semasa tahun prasekolah seperti kanak-kanak menunjukkan kesedaran diri dan pemahaman mengenai emosi sendiri dan orang lain semakin meningkat (McCabe & Altamura, 2011).

Pihak sekolah dan ibu bapa perlu mengambil langkah-langkah segera bagi mengenal pasti punca masalah kompetensi sosioemosi dan mengatasinya agar ia tidak menular. Kompetensi sosioemosi juga ditakrifkan sebagai kesihatan mental (Knitzer, 2000). Di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia amat peka dan bimbang tentang peningkatan masalah kesihatan mental, di mana sepanjang tahun 2010 seramai 400,227 pesakit mental menjalani rawatan di hospital kerajaan di Malaysia. Empat sekolah menengah di Malaysia telah terpilih untuk Program Menangani Stres di Sekolah tahun 2011. Walau bagaimanapun, pada peringkat awal kanak-kanak masih belum ada modul kompetensi sosioemosi, justeru itu adalah perlu di peringkat awal kanak-kanak kompetensi sosioemosi diberi perhatian lebih serius sebelum ianya berlanjutan ke peringkat remaja mahupun dewasa.

Sains telah membuktikan sebuah pautan yang menarik di antara perkembangan sosioemosi dan tingkah laku dengan kejayaan sekolah (Raver, 2002; Zins, Bloodworth, Weissberg & Walberg, 2004). Malah kajian Raver (2002) juga menunjukkan bahawa pautan tersebut mungkin disebabkan daripada

pencapaian akademik dalam tahun-tahun awal persekolahan yang dapat membina asas kemahiran sosioemosi kanak-kanak. Kanak-kanak tidak boleh belajar untuk membaca jika mereka mempunyai masalah dalam aktiviti-aktiviti pendidikan misalnya masalah berkaitan arahan, berinteraksi bersama-sama dengan orang lain seperti rakan sebaya, guru dan ibu bapa dan mengawal emosi negatif.

Squires & Brickers (2007) juga melaporkan ramai kanak-kanak yang menunjukkan tingkah laku bermasalah pada usia awal kanak-kanak. Kanak-kanak akan menghadapi masalah di prasekolah dan juga di sekolah rendah kelak jika sosioemosi mereka kurang stabil dan mantap (Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2010). Ramai pendidik bersetuju bahawa pembelajaran kompetensi sosioemosi adalah satu bahagian penting dalam perkembangan awal kanak-kanak (Schultz, Richardson, Catherine & Wilcox, 2011). Kajian *Center on the Social Emotional Foundations for Early Learning* (CSEFEL, 2008) menunjukkan kompetensi sosioemosi adalah asas untuk kejayaan dan kesejahteraan kanak-kanak. Oleh itu, guru perlu menekankan kompetensi sosioemosi dalam pengajaran mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk melihat kesan implementasi kompetensi sosioemosi terhadap kemahiran sosial kanak-kanak.

PERSOALAN KAJIAN

Soalan kajian ini adalah berdasarkan:

1. Adakah implementasi modul kompetensi sosioemosi dapat meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak?

KEPENTINGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini amat berguna kepada guru bagi mengenal pasti kepentingan kompetensi sosioemosi terhadap kanak-kanak prasekolah. Melalui maklumat ini guru akan dapat membantu kompetensi sosioemosi kanak-kanak dengan mengintegrasikan dalam pelajaran yang dipelajari di prasekolah. Dapatan ini juga boleh membantu guru, ibu bapa dan kanak-kanak dalam menguasai kompetensi sosioemosi dengan lebih berkesan.

BATASAN KAJIAN

Pengkaji menumpukan pada tiga buah prasekolah sahaja kerana kekangan masa dan kesanggupan guru untuk memikul tanggungjawab dalam mengimplementasikan Modul Kompetensi Sosioemosi. Oleh sebab itu, pengkaji hanya melibatkan tiga orang guru prasekolah dan 40 orang murid prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia yang berumur lima dan enam tahun di daerah Batang Padang, Perak. Oleh itu, hasil kajian ini tidak merujuk kepada kompetensi sosioemosi terhadap aspek kemahiran sosial bagi kanak-kanak di seluruh Malaysia. Namun begitu, kajian ini dapat memberi gambaran tentang kesan implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi.

TINJAUAN LITERATUR

Pemahaman mengenai teori berkaitan merupakan salah satu cara untuk memahami strategi mengajar kompetensi sosioemosi. Mengikut pendekatan tingkah laku, perasaan, pemikiran dan kepercayaan adalah perkara-perkara yang boleh dipelajari (Hyman, 1977). Berdasarkan semua tingkah laku boleh dipelajari, guru memainkan peranan penting untuk membantu kanak-kanak untuk membina tingkah laku yang positif supaya dapat diterima di prasekolah khususnya dan dalam masyarakat amnya.

Pendekatan Teori

Teori yang menggunakan pendekatan tingkah laku ialah Teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura. Pandangannya mengatakan bahawa individu bertingkah laku berdasarkan pengalaman dengan melihat orang lain yang dianggap sebagai model. Individu itu akan mengamalkan perkara-perkara yang diperhatikan dan sekiranya berterusan, tingkah laku tersebut akan kekal dalam diri individu tersebut. Kanak-kanak meniru tingkah laku yang diperhatikan terutama tingkah laku yang mendapat penegasan dan guru perlu menjadi model yang terbaik untuk pelajar (Bandura, 1977). Pembelajaran sosial mengikut Bandura melibatkan hubungan pengaruh tiga unsur iaitu persekitaran, individu dan tingkah laku (Ormrod, 2008). Dalam teori pembelajaran sosial, peranan persekitaran ke atas individu amat penting dan penggerak dari luar adalah punca perkembangan individu, sementara kehendak individu dianggap kuasa dalam pembentukan tingkah laku (Ormrod, 2008).

Bagi kompetensi sosioemosi, kajian ini menggunakan model termasuk orang dewasa iaitu guru dan rakan sebaya. Sekiranya guru yang berada dengan kanak-kanak dalam kelas selama beberapa jam menunjukkan model yang terbaik kepada kanak-kanak dan menggunakan kanak-kanak lain sebagai model dalam pengajaran mereka, adalah tidak mustahil kanak-kanak tidak terpengaruh untuk menjadi kanak-kanak yang baik tingkah lakunya.

Kajian-Kajian Berkaitan

Kanak-kanak yang mempunyai kompetensi sosioemosi yang berkesan dan bersesuaian, boleh berbincang dalam konteks sosial yang kompleks dengan menggunakan kemahiran interaksi yang sesuai dan boleh mencapai matlamat peribadi dengan berkesan (Brown & Conroy, 2011). Sebaliknya, kanak-kanak yang mempunyai kesukaran dalam kompetensi sosioemosi sering menunjukkan interaksi negatif secara lisan atau menunjukkan keagresifan mereka secara fizikal dengan rakan-rakan, sering membantah arahan orang dewasa dan mengasingkan diri dari bersosial dengan orang lain (Campbell, 2002; Webster-Stratton & Reid, 2003). Selain itu, kanak-kanak yang ketiadaan kompetensi sosioemosi di prasekolah adalah kurang bersedia dari segi akademik, menunjukkan beberapa masalah sosial dan tingkah laku di sekolah dan mempamerkan masalah akademik dan sosial untuk jangka masa yang panjang (Barbarin, Bryant, McCandies, Early, Pianta & Howes, 2006; Bornstein, Hahn & Haynes, 2010).

Kajian-kajian yang lepas telah membuktikan bahawa terdapat program pencegahan dan intervensi yang terbukti sesuai untuk guru dalam meningkatkan kemahiran sosial dan mengurangkan masalah tingkah laku kanak-kanak. Program *The Incredible Years Series* (Incredible Years, 2007) adalah di antara program yang telah terbukti berkesan dalam meningkatkan kompetensi sosioemosi kanak-kanak dan penurunan masalah tingkah laku mereka di kelas. Seramai 159 orang kanak-kanak didiagnosis masalah tingkah lakunya (Webster-Stratton, Reid & Hammond, 2004). Kajian ini membandingkan kanak-kanak dan latihan ibu bapa menggunakan dan tanpa program *The Incredible Years Series*. Guru yang menerima program *The Incredible Years Series* selepas post intervensi diamati menggunakan lebih banyak pujian, konsisten dan yakin untuk mengasuh kanak-kanak berbanding guru dari kumpulan kawalan. Selain itu, kanak-kanak daripada kelas dengan guru yang menerima program *The Incredible Years Series* juga kurang agresif dengan rakan-rakan sebaya dan lebih kooperatif. Manakala, pencegahan rawak percubaan dengan 272 kanak-kanak dari *Head Start* mendapati bahawa di kelas guru yang menerima program *The Incredible Years Series*, kanak-kanak mempunyai tingkah laku lebih tinggi dalam menjalankan tugas, peningkatan tingkah laku prososial, dan penurunan tahap agresif mereka (Webster-Stratton, Reid & Hammond, 2001).

Pickens (2009) telah menilai program sosioemosi yang bertujuan memupuk kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah iaitu *Peace Education Foundation* (PEF). Seramai 246 orang kanak-kanak prasekolah terlibat dalam kajian ini. Penilaian menggunakan soal selidik *Preschool & Kindergarten Behaviour Scales*, versi 2 (PKBS-2) menunjukkan peningkatan kerjasama sosial, interaksi sosial yang berkualiti dan penambahan kesan positif dalam kebebasan sosial.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, guru mengimplementasikan Modul Kompetensi Sosioemosi selama tiga bulan. Penilaian keberkesanan implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi dibuat menggunakan instrumen yang telah diadaptasi daripada soal selidik PKBS-2 (Merrell, 2002). Penilaian dijalankan dua kali iaitu sebelum dan selepas implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi yang dilakukan oleh tiga orang guru prasekolah yang terlibat ke atas 40 orang kanak-kanak. Penilaian keberkesanan Modul Kompetensi Sosioemosi tentang kemahiran sosial mengandungi 34 item dan terbahagi kepada tiga sub-skala iaitu sub-skala 1 untuk kerjasama sosial, sub-skala 2 untuk interaksi sosial dan sub-skala 3 untuk kebebasan sosial.

Bagi mendapatkan kesahan untuk PKBS-2, empat orang guru yang berpengalaman lebih sepuluh tahun telah menilai item yang terkandung dalam soal selidik. Kesemua guru memberi maklum balas yang baik terhadap borang soal selidik yang dikemukakan. Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan, indeks kebolehpercayaan dalam kajian rintis 1, alfanya ialah pada aras 0.96 dan rintis 2 berada pada aras 0.98. Pekali kebolehpercayaan di atas aras 0.8 dianggap kukuh digunakan (Mohd. Majid Konting, 2007).

Berdasarkan maklumat-maklumat daripada soal selidik, pengkaji telah menganalisis data menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Statistik Ujian-*t* digunakan untuk menilai keberkesanan Modul Kompetensi Sosioemosi sebelum dan selepas implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi untuk menghuraikan aspek kemahiran sosial seperti kerjasama sosial, interaksi sosial dan kebebasan sosial.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini adalah untuk menjawab soalan, sejauh manakah keberkesanan Modul Kompetensi Sosioemosi terhadap kemahiran sosial kanak-kanak? Data diperolehi daripada 40 orang kanak-kanak menerusi soal selidik yang dilengkapkan oleh tiga orang guru prasekolah.

Penilaian Kesan Kompetensi Sosioemosi

Penilaian kesan kompetensi sosioemosi dibuat berdasarkan Borang Penilaian Tingkah Laku Kanak-kanak iaitu *Preschool & Kindergarten Behaviour Scales*, versi 2 (PKBS-2, Merrell, 2002). Penilaian dijalankan sebanyak dua kali iaitu sebelum dan selepas implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi yang dilakukan oleh tiga orang guru prasekolah yang terlibat ke atas 40 orang kanak-kanak. Analisis penilaian kesan kompetensi sosioemosi dibahagikan mengikut PKBS-2 iaitu tentang kemahiran sosial yang mengandungi 34 item dan dibahagikan kepada 3 sub-skala iaitu kerjasama, interaksi dan kebebasan sosial. Statistik Ujian-*t* digunakan untuk menilai kesan kompetensi sosioemosi sebelum dan selepas implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi terhadap kemahiran sosial kanak-kanak.

Penilaian Kesan Kompetensi Sosioemosi Terhadap Kemahiran Sosial Kanak-Kanak

Terdapat tiga subskala dalam aspek kemahiran sosial iaitu kerjasama, interaksi dan kebebasan sosial. Pengkaji telah menjalankan Ujian-*t* untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara sebelum dan selepas implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi. Kesan kompetensi sosioemosi dapat dijelaskan melalui Ujian-*t* yang melibatkan kemahiran-kemahiran sosial tersebut. Jadual-jadual di bawah menerangkan perkara yang berkaitan.

Hasil analisis dengan menggunakan ujian-*t* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan, $t(78)=11.41$, $k<0.05$ bagi kemahiran sosial secara keseluruhan berdasarkan sebelum dan selepas implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi. Perbezaan min antara jenis sampel menunjukkan pertambahan sebanyak 37.78 yang bererti terdapat peningkatan kemahiran sosial yang ditunjukkan oleh kanak-kanak selepas implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi.

Jadual 1 Perbandingan min kemahiran sosial secara keseluruhan sebelum dan selepas implementasi modul

Kumpulan	N	Min	SP	Dk	T	Sig
Sebelum	40	107.10	14.31			
				78	11.41	0.00
Selepas	40	144.88	15.30			

$k < 0.05$

Hasil analisis dengan menggunakan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan, $t(78) = 11.16$, $k < 0.05$ bagi kerjasama sosial berdasarkan sebelum dan selepas pelaksanaan modul Kompetensi Sosioemosi. Perbezaan min antara jenis sampel menunjukkan pertambahan sebanyak 13.07 yang bererti terdapat peningkatan kerjasama sosial yang ditunjukkan oleh kanak-kanak selepas implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi.

Jadual 2 Perbandingan min kerjasama sosial sebelum dan selepas implementasi modul

Kumpulan	N	Min	SP	Dk	T	Sig
Sebelum	40	40.38	5.27			
				78	11.16	0.00
Selepas	40	53.45	5.21			

$k < 0.05$

Hasil analisis dengan menggunakan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan, $t(78) = 9.26$, $k < 0.05$ bagi interaksi sosial berdasarkan sebelum dan selepas implentasi Modul Kompetensi Sosioemosi. Perbezaan min antara jenis sampel menunjukkan pertambahan sebanyak 12.43 yang bererti terdapat peningkatan interaksi sosial yang ditunjukkan oleh kanak-kanak selepas implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi.

Jadual 3 Perbandingan min interaksi sosial sebelum dan selepas implementasi modul

Kumpulan	N	Min	SP	Dk	T	Sig
Sebelum	40	31.20	5.69			
				78	9.26.	0.00
Selepas	40	43.63.	6.30			

$k < 0.05$

Hasil analisis dengan menggunakan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan, $t(78) = 10.03$, $k < 0.05$ bagi kebebasan sosial berdasarkan sebelum dan selepas implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi. Perbezaan min antara jenis sampel menunjukkan pertambahan sebanyak 12.27 yang bererti terdapat peningkatan kebebasan sosial yang ditunjukkan oleh kanak-kanak selepas implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi.

Jadual 4 Perbandingan min kebebasan sosial sebelum dan selepas implementasi modul

Kumpulan	N	Min	SP	Dk	T	Sig
Sebelum	40	35.53	5.34			
				78	10.03	0.00
Selepas	40	47.80	5.61			

$k < 0.05$

PERBINCANGAN

Penilaian Kompetensi Sosioemosi Terhadap Kemahiran Sosial Kanak-kanak

Tahap kompetensi sosioemosi kanak-kanak prasekolah ini diambil pada bulan Ogos 2011. Keputusan yang diperolehi daripada ketiga-tiga buah sekolah ini menunjukkan perbezaan min antara jenis sampel menunjukkan pertambahan sebanyak 37.78 yang bererti terdapat peningkatan kemahiran sosial yang ditunjukkan oleh kanak-kanak selepas implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi. Dapatan ini sama dengan Pickens (2009) yang menunjukkan peningkatan dalam kawalan diri, mengikut peraturan dan mengambil giliran, menunjukkan lebih berdikari semasa main dan membuat tugas yang diberikan oleh guru dan mempamerkan interaksi yang positif dengan guru dan rakan sebaya. Kajian ini mendapati kanak-kanak prasekolah dalam kelas yang terlibat dengan pengajaran menggunakan Modul Kompetensi Sosioemosi menunjukkan kesediaan ke sekolah dalam aspek kemahiran sosial.

Berdasarkan kepada hasil analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kerjasama sosial berdasarkan sebelum dan selepas implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi. Hasil dapatan kajian ini selari dengan Webster-Stratton, Reid & Hammond (2001) yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kerjasama sosial. Pengkaji mencadangkan agar guru menjadikan kerjasama sosial seperti sikap bekerjasama, mengikut arahan, menunjukkan kawalan diri sebagai amalan harian dalam kelas.

Berdasarkan hasil analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi interaksi sosial berdasarkan sebelum dan selepas implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi. Hasil dapatan kajian selari dengan Brown dan Conroy (2011) yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi interaksi sosial. Pengkaji mencadangkan agar guru menjadikan interaksi sosial seperti mengajak kanak-kanak lain bermain dan meminta bantuan orang dewasa dijadikan aktiviti yang dijalankan di prasekolah.

Berdasarkan hasil analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kebebasan sosial berdasarkan sebelum dan selepas implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi. Hasil dapatan kajian selari dengan Incredible Years (2007) yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi kebebasan sosial. Pengkaji mencadangkan agar guru banyak menyediakan aktiviti yang bersesuaian dengan aspek kebebasan sosial seperti boleh bermain sendiri dan berkawan dengan mudah supaya kanak-kanak boleh menunjukkan keyakinan dalam situasi sosial dan boleh bermain dengan kanak-kanak yang berlainan.

KESIMPULAN

Dalam kajian ini, implementasi Modul Kompetensi Sosioemosi telah dibuktikan dapat mempertingkatkan kemahiran sosial. Dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian CSEFEL (2008) bahawa kompetensi sosioemosi adalah asas untuk kejayaan dan kesejahteraan kanak-kanak. Oleh yang demikian, guru-guru prasekolah digalakkan untuk mengajar kanak-kanak kompetensi sosioemosi kerana dapat memberi faedah kepada kanak-kanak. Dalam melaksanakan kompetensi sosioemosi dapat mencapai matlamat KSPK (2010) untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep sendiri yang positif pada diri kanak-kanak agar mereka berjaya dalam persekitaran sedia ada dan bersedia menangani cabaran dan tanggungjawab di sekolah rendah kelak .

RUJUKAN

- Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. New York: General Learning Press.
- Barbarin, O., Bryant, D., McCandies, T., Early, D., Pianta, R., & Howes, C. (2006). Children enrolled in public pre-K: The relation of family life, neighborhood quality, and socioeconomic resources to early competence. *American Journal of Orthopsychiatry*, 76(2), 265 – 276.
- Berk, L. (2010). *Development through the lifespan* (edisi ke-5). Boston, MA: Pearson, Allyn & Bacon Publishers.
- Bornstein, M. H., Hahn, C., & Haynes, O. M. (2010). Social competence, externalizing and internalizing behavioral adjustment from early childhood through early adolescence: Developmental cascades. *Development and Psychopathology*, 22, 717 –735.
- Campbell, S. B. (2002). *Behavior problems in preschool children: Clinical and developmental issues* (edisi ke-2). New York, NY: Guilford.
- Guralnick, M. J. (2010). Early intervention approaches to enhance the peer-related social competence of young children with developmental delays: A historical perspective. *Infants & Young Children*, 23, 73-83.
- Hyman, I.A.(1997). *School discipline & school violence, the teacher variance approach*. Boston. Allyn & Bacon.
- Incredible Years. (2007). *Incredible years: Parents, teachers, and children training series*. Diambil daripada: <http://www.incredibleyears.com> (diakses pada 15/2/13).
- Johan Jaaffar. Peningkatan kes jenayah juvana membimbangkan. (4.5.2014). *Berita Harian*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Kurikulum standard prasekolah kebangsaan*. Kuala Lumpur. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mohd. Majid Konting (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. (Edisi ke-4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McCabe, P., & Altamura, M. (2011). Empirically valid strategies to improve social and emotional competence of preschool children. *Psychology in the Schools*.48 (5), 513-540.
- Merrell, K. W. (2002). *Preschool and kindergarten behavior Scales* (edisi ke-2). Austin, TX: Pro-ED.
- Ormrod J.E. 2008. *Educational psychology developing learners* (edisi ke-6). Uppersaddle River, New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Pesakit mental meningkat 15.6 peratus tahun lalu, (18.1.2011). *Berita Harian*.
- Pickens, J. (2009). Socio-emotional programme promotes positive behaviour in preschoolers. *Child Care in Practice*, 15 (4), 261-278.
- Raver, C. (2002). Emotions matter: Making the case for the role of young children’s emotional development for early school readiness. *Social Policy Report of the Society for Research in Child Development*, 16(3), 1-20.
- Rimm-Kaufman, S. E., Pianta, R. C., & Cox, M. J. (2000). Teachers’ judgments of problems in the transition to kindergarten. *Early Childhood Research Quarterly*, 15(2), 147–166.
- Schultz, Betsy L; Richardson, Rita Coombs; Barber, Catherine R; Wilcox, Daryl (2011). A preschool pilot study of connecting with others: Lessons for teaching social and emotional competence. *Early Childhood Education Journal*, 39, 143-148.
- Squires, J., & Bricker, D. (2007). *An activity-based approach to developing young children’s social emotional competence*. Baltimore: Brookes.
- Webster-Stratton, C., Reid, M. J., & Hammond, M. (2001). Preventing conduct problems, promoting social competence: A parent and teacher training partnership in Head Start. *Journal of Clinical Child Psychology*, 30(3), 283-302.
- Webster-Stratton, C., & Reid, M. J. (2003). Treating conduct problems and strengthening social emotional competence in young children (ages 4-8 years): The Dina Dinosaur treatment program. *Journal of Emotional and Behavioral Disorders*, 11, 130-143.
- Webster-Stratton, C., Reid, M. J., & Hammond, M. (2004). Treating children with early-onset conduct problems: Intervention outcomes for parent, child, and teacher training. *Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology*, 33(1), 105. 124.
- William H. Brown & Maureen A. Conroy. (2011). Social-emotional competence in young children with developmental delays: Our reflection and vision for the future. *Journal of Early Intervention*, 33, 310-320.
- Zins, J., Bloodworth, M., Weissberg, R., & Walberg, H. (2004). *The scientific base linking social and emotional learning to school success*. In J. Zins, R. Weissberg, M. Wang, & H. J. Walberg (Eds.), *Building academic success on social and emotional learning: What does the research say?* (pp. 1-22). New York: Teachers Press, Columbia University.